

TARIKH : 19 APRIL 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## Jumlah dagangan cecah nilai tertinggi



AKTIVITI ekonomi kembali rancak memberi kesan positif kepada pertumbuhan eksport dan import negara untuk tempoh suku pertama tahun ini. - GAMBAR HIASAN

# Jumlah dagangan cecah nilai tertinggi

**PETALING JAYA** - Jumlah dagangan Malaysia pada Mac 2022 merekodkan prestasi kukuh dengan pertumbuhan 27.3 peratus tahun ke tahun untuk mencapai nilai tertinggi baharu iaitu sebanyak RM236.6 bilion, menurut Jabatan Perangkaan.

Nilai eksport dan import sekali lagi memecahkan rekod tertinggi, masing-masing pada RM131.6 bilion dan RM104.9 bilion, manakala lebihan dagangan meningkat 10.3 peratus kepada RM26.7 bilion.

Import Malaysia turut melepasi paras RM100 bilion buat kali pertama, sejajar dengan lonjakan bagi barangan perantaraan menandakan aktiviti ekonomi domestik yang lebih baik.

Ketua Perangkawan, Datuk



**MOHD. UZIR**

Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, eksport Malaysia meningkat 25.4 peratus dengan melepasi paras RM100 bilion untuk bulan ketujuh berturut-turut sejak bulan September 2021.

"Seiring prestasi eksport, import juga mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 29.9 peratus daripada RM80.8 bilion.

"Berbanding Februari 2022, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menunjukkan peningkatan 28.7 peratus, 27.3 peratus serta 34.8 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, bagi prestasi suku tahun pertama 2022, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan kesemuanya kekal kukuh dengan pertumbuhan dua angka.

Jumlah dagangan meningkat 23.6 peratus, disokong oleh perkembangan eksport (+22.2 peratus) serta import (+25.2 peratus).